

'Kenyataan Dr M tak wajar'

Anwar bantah bekas Perdana Menteri menghina kaum

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam membantah kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan kaum India di negara ini tidak setia kepada Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kenyataan Dr Mahathir adalah sangat tidak bertanggungjawab atau relevan serta tidak wajar dikeluarkan oleh seorang bekas Perdana Menteri.

Katanya, sebagai bekas Perdana Menteri sejak sekian lama, tidak sepatutnya ada kenyataan yang menghina mana-mana kaum di negara ini, sama ada majoriti atau minoriti.

"Kenyataannya tidak berasas langsung, tapi itulah dia. Melayu itu bagi dia malas melainkan diri dia. India dan Cina dianggap kurang setia kecuali beberapa kroni dia.

"Saya anggap itu kenyataan sangat tidak bertanggungjawab, kita bantah. Bagi saya mana-mana rakyat yang setia kita harus menghormati tidak kira mana-mana kaum," katanya selepas pelancaran Program Kecerdasan Buatan (AI) untuk Rakyat di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

AI Untuk Rakyat adalah program pembelajaran sendiri dalam talian, direka untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai terhadap AI.

Sejak minggu lalu, beberapa pemimpin parti pemerintah dan pembangkang membidas Dr Mahathir kerana membuat kenyataan yang disifatkan mereka menghina masyarakat India di negara ini.

Baru-baru ini, sebuah portal berita melaporkan Dr Mahathir mendakwa masyarakat India Malaysia masih tidak setia sepenuhnya kepada negara ini kerana mereka masih 'terikat' dengan negara asal mereka dalam satu temu bual eksklusif secara dalam talian dengan saluran TV satelit India, *Thanthi TV*.

Anwar meminta rakyat tidak melayan pemikiran lapuk seperti dilontarkan Dr Mahathir itu yang hanya akan merosakkan negara.

Katanya, beliau nampak kenyataan yang menghina itu sengaja dibuat bagi mengalihkan tumpuan rakyat kepada usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam transformasi negara.

"Kenyataan Dr Mahathir bertentangan dengan Wawasan 2020 digagaskan sendiri bekas Perdana Menteri itu suatu ketika dahulu"

Anthony Loke
Siew Fook,
Setiausaha Agung DAP

"Saya harap rakyat terutama generasi muda jangan layan pemikiran rosak ini kerana kita harus tumpu kepada usaha mengangkat darjat martabat negara kita," katanya.

Anwar berkata, sekarang adalah waktu terbaik untuk menepatkan nilai yang baik.

"Kerajaan Madani dalam membicarakan mengenai memperbaharui tenaga dan transformasi digital termasuk AI tidak akan pernah melupakan nilai dan akhlak serta jati diri," katanya.

Sementara itu, Anwar membidas kumpulan tertentu termasuk golongan elit yang mempertikai usaha kerajaan melaksanakan kempen antirasuah dan memperbaiki tatakelola kerajaan.

"Kini ada suara bebas yang mana mereka ini tidak pernah menyuarakan dengan keras usaha menentang rasuah dan memperbaiki tatakelola, malah mereka ini cuba melindungi perasuah besar.

"Perasuah ini ada dana berbilion dan menguasai media sosial serta membeli beberapa tokoh politik serta (memberi) dana kepada parti politik," katanya.

DAP luah rasa kecewa

Dalam perkembangan berkaitan, DAP turut meluahkan rasa kecewa terhadap kenyataan Dr Mahathir.

Setiausaha Agungnya, Anthony Loke Siew Fook, menyifatkan kenyataan Dr Mahathir bertentangan dengan Wawasan 2020 yang digagaskan sendiri bekas Perdana Menteri itu suatu ketika dahulu dengan tujuan utamanya mewujudkan negara Malaysia bersatu menerusi konsep bangsa Malaysia.

"Beliau sudah lupa apa yang beliau sendiri hasratkan. Apa yang dinyatakan beliau semuanya bertentangan dengan apa yang pernah disebutkan," katanya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk R Ramanan, berkata Dr Mahathir tidak sepatutnya membuat kenyataan yang menyentuh isu sensitif dan perkauman dengan mempersoalkan kesetiaan dan semangat cinta akan negara bagi kaum di Malaysia.

"Saya India tetapi darah saya Malaysia, darah ini saya dapat dari Malaysia kerana saya lahir di sini. Kalau kita tidak sayang dan tak setia kepada negara, tahu tak berapa ramai askar dan polis (kaum India)?"

"Seingat saya untuk bercakap mengenai kesetiaan, Tun (Mahathir) sendiri belum pernah pergi berperang," katanya di sini, semalam.

Ketua Pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal turut mengecam Dr Mahathir kerana membuat kenyataan mempersoalkan kesetiaan masyarakat India dan China di negara ini.

